

Mohd. Isa selesai bayar ikat jamin

RM700,000

KUALA LUMPUR — Bekas Pengurus Felda, Tan Sri Mohd. Isa Samad selesai membayar baki jaminan di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur tambahan berjumlah RM700,000 di Mahkamah di sini semalam.

Beliau yang memakai kemeja belang biru tiba di mahkamah pada pukul 10.36 pagi bersama isterinya, Puan Sri Bibi Sharliza Mohd. Khalid yang juga penjamin.

Jumlah ikat jamin itu kemudian selesai dibayar pada pukul 1.55 petang.

Semalam Mohd. Isa dijatuhi hukuman penjara 54 tahun dan denda RM15.45 juta selepas didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam.


Ia membabitkan sembilan pertuduhan rasuah berhubung pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites (MPHS) oleh Felda Investment Corporation Sdn. Bhd. (FICSB), tujuh tahun lalu.

Hakim Mohd. Nazlan Mohd. Ghazali menjatuhkan hukuman itu selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes tersebut.

Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara selama enam tahun bagi setiap pertuduhan dengan jumlah keseluruhan sebanyak 54 tahun.

Bagaimanapun, hukuman itu berjalan serentak dengan Mohd. Isa perlu menjalani hukuman enam tahun dan penjara tambahan 18 tahun sekiranya gagal membayar denda.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan penangguhan bagi kedua-dua hukuman itu sementara menunggu rayuan dan menetapkan jumlah jaminan dinaiakan kepada RM1.5 juta.



MOHD. ISA berseloroh dengan wartawan jaga jarak pergerakan di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur semalam.

Mahkamah turut menetapkan tertuduh perlu melapor diri di balai polis berdekatan setiap awal bulan sehingga tamat rayuan.

Mohd. Isa, 72, berdepan sembilan pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM3,090,000 daripada Ahli Lembaga Gegasan Abadi Properties Sdn. Bhd., Ikhwan Zaidel menerusi Muhammad Zahid Md. Arip, bekas pegawai khas politik Mohd. Isa, sebagai tanda terima kasih bagi membantu meluluskan pembelian hotel oleh FICSB pada RM160 juta.

Setiap pertuduhan itu didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.